

05/10/2003

Felda Holdings dipantau elak saham terjejas

Hafizah Iszahanid

KUALA LUMPUR: Setiap perkembangan dalam Felda Holdings Sdn Bhd (FHSB) akan dipantau supaya ia tidak menjejaskan nilai saham yang akan disenaraikan dalam Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), demi manfaat 100,000 peneroka, kata Pengerusi Felda, Tan Sri Dr Yusof Noor.

Beliau berkata, sementara Felda gembira kerana penyenaian FHSB satu pengiktirafan kerajaan terhadap kejayaan Felda, ia akan memastikan setiap perkembangan dalam agensi itu bersifat positif.

"Felda berjanji memastikan perkembangan dalam Felda akan terus mantap supaya saham yang disenaraikan nanti tidak ada masalah dan merugikan peneroka," katanya selepas penyampaian hadiah Manifestasi Perdana Seni Khat di Muzium Kesenian Islam di sini semalam.

Yusof berkata, Felda berterima kasih kepada kerajaan kerana penyenaian itu, walaupun tidak membabitkan tanah milik peneroka, langkah itu tetap memberi faedah kepada peneroka.

Penyenaian Felda Holdings ke BSKL diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam pembentangan Bajet 2004 bulan lalu.

Cadangan itu selaras matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang bertujuan membolehkan Bumiputera memiliki ekuiti 30 peratus dalam sektor korporat.

Bagaimanapun, kerajaan tetap akan mengambil alih ladang yang dimiliki Felda Plantations dan dipindahkan sebagai pegangan sahamnya sekiranya ia tidak mempunyai peneroka.

FHSB dijangka disenaraikan di BSKL akhir tahun ini. Penyenaian syarikat itu dijangka memberi faedah kepada lebih 100,000 peneroka di seluruh negara, dengan jangkaan awal peneroka menerima durian runtuh berbentuk saham bernilai RM1 bilion atau sekurang-kurangnya RM6,000 setiap seorang.

Sementara itu, Yusof berkata, jumlah penyertaan dan kualiti karya Manifestasi Perdana Seni Khat, yang diadakan setiap tahun, didapati bertambah baik tahun ini.

Enam kategori dipertandingkan kali ini iaitu Thuluth, Nasakh, Riq'ah, Nasakh dan Riq'ah, kanvas tradisional dan kanvas bebas.

Ia dibuka kepada pelajar berusia di bawah 18 tahun, dewasa dan terbuka.

Abdul Baki Abu Bakar, 29, dari Selangor, yang memenangi pertandingan itu tahun lalu, sekali lagi menang tahun ini dan menerima hadiah utama berbentuk wang tunai RM5,000, plak pusingan dan tiket penerbangan pergi balik ke Istanbul.